

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan dua keperluan manusia.

Keperluan 1	Mendapat rawatan kesihatan di klinik swasta
Keperluan 2	Melukis gambar untuk mengisi masa lapang

Apakah keperluan tersebut.

	Keperluan 1	Keperluan 2
A	Rohani	Fisiologi
B	Fisiologi	Rohani
C	Sosial	Fisiologi
D	Fisiologi	Sosial

- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pengeluaran.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ♣ Dijalankan secara kecil-kecilan ♣ Tiada lebihan dan berskala kecil |
|---|

Apakah jenis pengeluaran tersebut ?

- A Ekstraktif
 B Khidmat langsung
 C Pengeluaran langsung
 D Pengeluaran tak langsung
- 3 Maklumat berikut merujuk pekerjaan di bawah cabang pengeluaran.

Nizam & Anuar Peguambela dan Penguamcara
--

Apakah cabang pengeluaran tersebut ?

- A Khidmat langsung
 B Perdagangan
 C Pengkhususan
 D Ekstraktif

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan nilai faedah.

Biji gandum dijadikan tepung dan disimpan dalam gudang sementara menunggu untuk dieksport ke luar negara

Antara yang berikut, manakah nilai faedah yang terlibat ?

- I Nilai faedah masa
 - II Nilai faedah tempat
 - III Nilai faedah milikan
 - IV Nilai faedah bentuk
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan usahawan.

Datin Umi telah berjaya mengusahakan produk kecantikan di Jerantut, Pahang. Perusahaan ini dapat menambah pendapatan penduduk di situ.

Antara yang berikut, manakah peranan Datin Umi sebagai seorang usahawan ?

- I Mewujudkan peluang pekerjaan
 - II Memenuhi keperluan dan kehendak
 - III Meningkatkan penggunaan teknologi
 - IV Menghasilkan ciptaan baru
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 6 Pernyataan manakah terlibat dengan bantuan perniagaan ?
- A Peniaga menjual keropok lekor di pasar tani
 - B Pemandu bas membawa pelancong ke Kuantan
 - C Penyanyi menghiburkan pengunjung di taman hiburan
 - D Pekerja syarikat pembersihan mencuci bangunan pejabat
- 7 Pernyataan manakah menerangkan kelebihan perniagaan runcit secara kecil-kecilan ?
- A Saiz modal yang kecil
 - B Menikmati keuntungan yang banyak
 - C Beroperasi untuk menjadi perniagaan besar
 - D Kewujudan perniagaan secara berterusan
- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis dokumen perniagaan ?

Kedai Runcit Jimat dikenakan bayaran pengangkutan oleh pembekal berjumlah RM150 tetapi jumlah tersebut tidak dinyatakan dalam invoice.

Apakah dokumen yang perlu dihantar untuk membetulkan kesilapan tersebut ?

- A Nota Debit
- B Nota Kredit
- C Nota Serahan
- D Nota Kiriman

9 Maklumat berikut berkaitan sejenis kaedah jualan.

<ul style="list-style-type: none"> ♣ Barang menjadi hak milik pembeli sebaik sahaja deposit dibayar ♣ Ansuran gagal dijelaskan, pembeli boleh didakwa di mahkamah

Apakah jenis kaedah jualan tersebut ?

- A Tunai
- B Sewa beli
- C Prabayar
- D Bayaran tertunda
- 10 Pernyataan manakah merupakan kelebihan perniagaan antarabangsa kepada negara ?
- A Meningkatkan kos dan kualiti barang
- B Mempelbagaikan pilihan pengguna
- C Meningkatkan pertukaran asing
- D Menggalakkan pengkhususan
- 11 Pernyataan berikut berkaitan dengan aktiviti perniagaan antarabangsa.

P	Pelajar luar negara menuntut di universiti Malaysia
Q	PETRONAS menjual gas asli ke negara Jepun

Apakah aktiviti perniagaan P dan Q.

	P	Q
A	Import nyata	Import tak nyata
B	Eksport nyata	Eksport tak nyata
C	Import tak nyata	Import nyata
D	Eksport tak nyata	Eksport nyata

12 Pernyataan berikut berkaitan dengan sejenis dokumen perniagaan antarabangsa.

- Bukti bahawa nilai barang yang diimport benar
- Surat kebenaran mengimport dari kerajaan negara pengekspor

Apakah jenis dokumen tersebut.


- A Invois Konsular
 - B Sijil Asal Usul
 - C Nota Perkapalan
 - D Borang Perakuan Kastam
- 13 Antara berikut, ciri manakah menerangkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ?
- A Bilangan pekerja antara 50 hingga 250 orang
 - B Modal kurang daripada RM2.5 juta
 - C Nilai jualan tahunan melebihi RM25 juta
 - D Keluaran menggunakan teknologi canggih
- 14 Maklumat berikut menerangkan ciri satu bidang pembuatan dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

- ✓ Melibatkan teknologi kimpalan
- ✓ Menghasilkan komponen jentera

Apakah bidang pembuatan tersebut ?

- A Industri berasaskan logam
- B Industri berasaskan sumber
- C Industri komponen automatif
- D Industri komponen elektrik dan elektronik

- 15 Rajah menunjukkan dua unit papan tanda perniagaan.



Apakah kelebihan Perniagaan A berbanding Perniagaan B ?

- A Modal lebih besar
 - B Syarikat mudah dipindah milik
 - C Menanggung liabiliti terhad
 - D Hal ehwal syarikat dirahsiakan
- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis spekulator.

Membeli syer baru diterbitkan oleh syarikat dengan harapan menjualnya pada harga yang lebih tinggi untuk mendapatkan untung.

Apakah jenis speculator tersebut ?

- A Bear
 - B Stag
 - C Bull
 - D Remiser
- 17 Pernyataan manakah benar tentang syer keutamaan ?
- A Kadar dividen diterima tetap setiap tahun
 - B Tidak berhak terhadap pembahagian keuntungan
 - C Dividen dibayar selepas pemegang syer biasa
 - D Mempunyai hak mengundi dan melantik Lembaga Pengarah

18 Pernyataan berikut merujuk kepada sejenis syer.

- ❖ Kadar dividen tetap
- ❖ Pemegang syer berhak mendapat dividen tunggakan tahun sebelumnya

Apakah jenis syer tersebut ?

- A Syer Keutamaan Boleh Tebus
 - B Syer Keutamaan Boleh Tukar
 - C Syer Keutamaan Penyertaan
 - D Syer Keutamaan Kumulatif
- 19 Pada 1 April 2013, Encik Zahasmi membeli sebuah rumah dengan harga RM120 000. Dia menyewakan rumah itu mulai 1 Ogos 2013 dengan kadar RM600 sebulan. Pada 31 Mac 2014, dia telah menjual rumah itu dengan harga RM145 000.

Hitungkan jumlah pulangan yang diperolehi oleh Encik Zahasmi ?

- A RM27 400
 - B RM29 200
 - C RM29 800
 - D RM32 200
- 20 Pernyataan manakah benar tentang akaun simpanan tetap?
- A Penyimpan diberi buku cek
 - B Penyimpan diberi buku simpanan
 - C Simpanan untuk satu tempoh tertentu
 - D Simpanan boleh dikeluarkan bila-bila masa

- 21 Encik Fikri menghantar wang sejumlah RM2000 kepada anaknya yang sedang belajar di Universiti Malaysia Sabah dengan segera.

Apakah perkhidmatan bank yang digunakan oleh Encik Fikri ?

- A Arahan Tetap
 - B Draf Bank
 - C Pindahan Elektronik
 - D Pindahan Kredit
- 22 Antara yang berikut, manakah dapat diatasi oleh peniaga daripada perkhidmatan syarikat pemfaktoran.

- I Aliran tunai
 - II Hutang lapuk
 - III Stok lapuk
 - IV Menyimpan stok
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 23 Pernyataan berikut berkaitan sejenis prinsip insurans.

Insurans bertujuan untuk memulihkan insured kepada kedudukan asal

Apakah prinsip insurans tersebut ?

- A Sumbangan
- B Indemniti
- C Penuh Percaya Mutlak
- D Kepentingan Boleh Insurans

24 Operasi takaful adalah bebas daripada unsur

- I Riba
- II Gharar
- III Maisir
- IV Tabarruk
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

25 Dialog berikut adalah antara Encik Afiq dengan pegawai syarikat insurans.

Encik Afiq	: Mengapa tuntutan saya ditolak.
Pegawai Syarikat Insurans	: Doktor telah mengesahkan bahawa bapa encik ada penyakit keturunan sebelum dia meninggal dunia. Syarikat insurans tidak akan membayar sebarang gantirugi

Apakah prinsip insurans yang gagal dipatuhi oleh bapa Encik Afiq ?

- A Kepentingan Boleh Insurans
- B Doktrin Sebab Hampiran
- C Penuh Percaya Mutlak
- D Indemniti

- 26 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pengangkutan.

Menggalakkan pertumbuhan kawasan baru untuk pertanian, perkilangan dan perniagaan

- Pernyataan manakah menerangkan peranan tersebut ?
- A Menyebarkan hasil ciptaan sains dan teknologi
 - B Membantu pertumbuhan ekonomi negara
 - C Menggalakkan perniagaan antarabangsa
 - D Memudahkan mobiliti tenaga buruh
- 27 Mengapakah pengeksport Malaysia memilih pengkontenaan untuk menghantar perabot mewah ke luar negara.
- A Kos penghantaran yang murah
 - B Perabot diperlukan segera
 - C Risiko kerosakan rendah
 - D Jarak perjalanan dekat
- 28 Apakah kelebihan Pengangkutan Antarabangsa Routier (TIR) ?
- A Pengecualian cukai kastam bagi barang yang dieksport guna kontena
 - B Kontena tidak perlu dokumentasi dan diperiksa di negara perantara
 - C Penggunaan kontena tidak memerlukan dokumentasi kastam
 - D Kerosakan kontena dakan ditanggung oleh pihak kastam
- 29 Antara berikut, yang manakah peranan komunikasi dalam perniagaan ?
- A Memudahkan peniaga menghantar barang
 - B Memudahkan aktiviti mempromosikan barang
 - C Mengurangkan risiko kerosakan barang
 - D Membantu menstabilkan harga barang

- 30 Antara yang berikut, manakah kelebihan perkhidmatan kurier ?
- I Cepat
 - II Murah
 - III Selamat
 - IV Mudah
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 31 Antara yang berikut, manakah menunjukkan perkhidmatan pos ?
- I Frangki
 - II Kiriman wang
 - III Videofon
 - IV Sidang audio
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 32 Ciri gudang yang manakah diperlukan untuk melakukan kerja-kerja akhir ?
- A Sistem keselamatan yang baik
 - B Ruang gudang yang luas
 - C Lokasi yang bersesuaian
 - D Pengurusan yang cekap

- 33 Encik Muis seorang pengimport menghadapi masalah aliran tunai bagi mengeluarkan barang dari gudang berbon.

Apakah pilihan terbaik bagi mengatasi tersebut ?

- A Meminjam wang daripada pihak bank
 - B Menjual hakmilik ke atas barang kepada pihak luar
 - C Mencagarkan sebahagian barangnya kepada pihak bank
 - D Memohon pengecualian cukai daripada pihak kastam
- 34 Antara berikut, yang manakah merupakan tujuan seorang pengeluar mengadakan promosi untuk keluaran barunya ?
- A Menyaingi pesaing
 - B Menaikkan imej syarikat
 - C Meningkatkan keuntungan
 - D Memperkenalkan keluaran
- 35 Gambar berikut menunjukkan maklumat daripada satu jenis pengiklanan



Apakah daya tarikan iklan yang digambarkan di atas.

- A Pujukan moral
- B Pujukan emosi
- C Pujukan ikhlas
- D Pujukan rasional

- 36 Gambar menunjukkan logo sebuah agensi kerajaan.



Apakah peranan agensi tersebut.

- A Penyelidikan dan pembangunan
 - B Promosi dan pemasaran
 - C Pelepasan cukai
 - D Pembiayaan
- 37 Maklumat berikut berkaitan insentif kerajaan dalam bentuk pelepasan cukai.

Cukai ini diberikan kepada syarikat yang mengeksport barangan buatan Malaysia untuk menggalakkan eksport.

Apakah insentif pelepasan cukai tersebut ?

- A Taraf perintis
- B Potongan cukai
- C Elaun cukai pelaburan
- D Elaun pelaburan semula

- 38 Apakah jenis sekatan perdagangan yang bertujuan untuk melindungi barang keluaran tempatan agar dapat bersaing dengan barang import.
- I Kuota
 - II Embargo
 - III Taraf perintis
 - IV Duti import
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 39 Antara berikut, yang manakah cara bijak apabila merancang pembelian barang ?
- A Membeli barang mengikut fesyen terkini
 - B Memilih tempat yang selalu dikunjungi
 - C Membuat senarai mengikut kehendak
 - D Membeli barang semasa tawaran
- 40 Antara yang berikut, yang manakah tanggungjawab pengeluar ?
- I Menyenaraikan bahan kandungan yang digunakan
 - II Menjual barang dengan harga yang berpatutan
 - III Menggubal kod etika amalan perniagaan
 - IV Menggunakan timbangan yang betul
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT